

Tiada hubungan diplomatik dengan Israel

BH 10 MAR 2000

JAKARTA, Khamis — Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel walaupun negara itu acap kali meminta berbuat demikian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata selagi Israel tidak mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara merdeka, Malaysia akan menolak permintaan mereka untuk mengadakan hubungan diplomatik.

"Jika kita pasti jarimereka pasti datang, tetapi kita tidak mahu meninggalkan kesan negatif kepada Palestin semata-mata untuk mengadakan hubungan dengan negara berkenaan," katanya pada majlis ramah mesra dengan pelajar dan masyarakat Malaysia yang berada di Indonesia. Di sini, petang ini ketika dalam rangka lawatan dua hari ke republik itu.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia juga tidak berminat untuk berjumpa pemimpin negara itu jika ada keinginan daripada mereka.

"Tanpa hubungan dengan Israel selama ini pun, kita kaya dan makmur," katanya.

Malaysia juga, katanya, tidak memerlukan orang tengah dalam usaha mewujudkan hubungan dengan Israel.

Mengenai lawatan pelajar Israel ke Malaysia, baru-baru ini, beliau berkata ia sengaja dilakukan untuk menunjukkan kepada mereka masyarakat Islam boleh hidup dengan kaum lain di negara ini.

"Ini kerana ada dakwaan mengatakan, masyarakat Islam tidak boleh hidup harmoni dengan kaum lain di negara ini," katanya.

Sementara itu, mengenai ura-ura Tengku Razaleigh Hamzah ingin bertanding jawatan tinggi parti, Dr Mahathir berkata, bekas Presiden Semangat 46 itu bebas berbuat demikian.

Bagaimanapun, katanya, Ku Li perlu memcentingkan kepentingan parti daripada dirinya sendiri.

"Tetapi saya yakin Ku Li setia pada parti," katanya.